

Dr. M kecam golongan yang burukkan kerajaan



Dr. Mahathir

UMNO - 22 MAY 1977

A LOR SETAR 1 Mei — Timbalan Perdana Menteri hari ini menyalak hebat golongan yang memburukkan kerajaan dengan menggunakan issue agama.

Kerana kerajaan tidak melayani beberapa desakan mereka mengenai agama golongan itu menuduh bahawa pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi dalam perlembagaan, bagi mengabuj mata rakyat.

Berucap merasmikan sidang UMNO Bahagian Kubang Pasu, di Jitra, hari ini, beliau meminta ahli UMNO supaya jangan terpengaruh tercebur dalam golongan ini untuk "menikam" kerajaan dan parti sendiri.

Di masa lalu, UMNO hadapi banyak cabaran tentang pendiriannya terhadap agama malah ada pihak yang menonjolkan pertanyaan, "adakah UMNO patuh kepada ajaran Islam."

Biasanya tokoh-tokoh agama diminta memberi penerangan ataupun

Mereka gunakan issue agama untuk mengabui mata rakyat

penjelasan mengenai perkara-perkara agama yang timbul itu dan ada kalanya para pegawai memikul tugas tersebut.

Tetapi golongan ini tidak mahu menerima penjelasan-penjelasan dari pegawai-pegawai sama ada daripada parti atau kerajaan mengenai beberapa issue agama yang timbul itu kerana mereka itu bukannya tokoh-tokoh agama yang layak.

Dr. Mahathir menekankan bahawa tidak semestinya tokoh-tokoh agama sahaja yang boleh memberi penjelasan mengenai issue-issue tersebut tetapi ada para pegawai yang boleh juga memikul tanggungjawab tersebut.

"Kalau sekiranya seseorang tokoh agama itu memberi kenyataan yang salah takkanlah kata-katanya itu boleh diterima?" tanya beliau.

"Kita mahulah menitikberatkan isikata seseorang itu bukannya siapa yang berkata," jelasnya.

Beliau mengingatkan sekiranya kita hanya memandang orang yang berkata dan tidak kepada isi yang dikatakan itu akan timbulah penyelewengan.

"Saya menimbulkan kerana telah terjadi kepada diri saya sendiri bila saya memberi penjelasan berhubung dengan desakan supaya surau diadakan dalam keretapi."

Bila memberi penjelasan sebab tidak dapat mengadakan surau dalam keretapi itu, mereka mengatakan, "saya tidak

layak memberi sebarang penjelasan mengenai agama...."

Kerana mengikut mereka sepotong ayat dalam Quran menyebut bahawa sembahyang boleh dilakukan di mana-mana sahaja kerana Tuhan sentiasa melihat walau di mana sekalipun.

"Kalau Tuhan berada di mana sahaja bolehlah kita bersembahyang dalam jamban ataupun di tempat-tempat yang kotor?" tanya Dr. Mahathir.

Lagi pula kalau keretapi yang sedang berjalan itu kerap berubah kalau halanya ke timur adakah kita mengkiatkan Tokyo?" tetapi mengapakah di suruh mengadap Kaabah.

Orang-orang Islam boleh bersembahyang sebelum atau sesudah turun dari keretapi," katanya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan Sekolah Rendah Sultan Ahmad Tajuddin di Jitra. Dr. Mahathir menyebut tentang perlunya usaha yang teratur dan bersungguh-sungguh dalam perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar dan program pelajaran serta latihan.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa Bahasa Malaysia merupakan satu dari unsur asas dalam usaha menggalakkan penyatuan dan perpaduan negara menerusi penggunaannya secara berperingkat-peringkat.

Untuk itu maka mengikut rancangan yang sedang berjalan

menjelang tahun 1980 bahasa tersebut akan menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah menengah bantuan kerajaan.

Menurutnya, sesungguhnya kerajaan menganggap pelajaran dan latihan sebagai satu alat yang penting untuk mencapai tujuan utama negara iaitu penyatuan dan perpaduan.

Ini kerana sekiranya rakyat berpecah belah dan tidak bersatu-padu adalah amat sukar untuk negara membangun dan mengadakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat hidup dengan taraf yang lebih tinggi.